

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NASIONAL

Isu kekurangan insulin kritikal

MMA bimbang KKM guna kaedah alternatif

Kuala Lumpur: Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) bimbang dengan keputusan Kementerian Kesihatan (KKM) untuk menyesuaikan rejimen rawatan bagi pesakit diabetes termasuk melalui penggunaan cara alternatif, susulan kekurangan insulin manusia kritikal di seluruh negara.

Presiden MMA, Dr Azizan Abdul Aziz, berkata langkah itu mendedahkan pesakit terutama yang mengalami keadaan kesihatan kompleks termasuk yang menghidap diabetes jenis 1, wanita hamil serta mereka yang mengalami kegagalan buah pinggang serius, kepada komplikasi luar jangka.

Beliau berkata, usaha KKM untuk menangani kekurangan insulin manusia dengan langkah alternatif itu belum pernah berlaku dan MMA bimbang po-

tensi peningkatan komplikasi kesihatan yang buruk susulan langkah terbaru itu.

"Kriteria untuk menukar daripada rawatan insulin manusia kepada rawatan alternatif mesti dipatuhi dengan teliti, tetapi ia tidak boleh menggantikan rawatan klinikal yang sudah ditetapkan dan layak diterima setiap pesakit.

"Walaupun rawatan alternatif ini mungkin berkesan untuk sesetengah pesakit, peralihan secara tiba-tiba yang dipacu keperluan dan bukan pilihan klinikal, mungkin menimbulkan risiko, terutama jika pesakit tidak dipantau dengan baik atau jika mereka tidak memberi tindak balas yang baik terhadap rawatan baharu itu.

"Risiko untuk merosakkan kawalan glisemik dan kemung-

kinan komplikasi lain yang dibimbangi meningkat, mesti dikurangkan melalui rawatan susulan yang ketat dan pendidikan ke atas pesakit," katanya melalui kenyataan semalam.

Kelmarin, media melaporkan bekalan insulin manusia di fasiliti KKM yang terjejas baru-baru ini disebabkan isu pengeluaran di fasiliti pembekal tempatan.

Dalam kenyataan, KKM me-

maklumkan bagi memastikan rawatan pesakit dapat diteruskan tanpa gangguan, kementerian itu mengambil beberapa pendekatan, termasuk meningkatkan penggunaan insulin jenis analog dan terapi oral berdasarkan penilaian klinikal oleh doktor yang merawat pesakit.

Rabu lalu, portal kesihatan Code Blue melaporkan krisis kekurangan insulin melanda

fasiliti kesihatan kerajaan di seluruh negara disebabkan masalah bekalan dengan pengeluaran tempatan.

Code Blue difahamkan bahawa bekalan insulin manusia adalah sangat kritikal di Selangor, dengan laporan kekurangan di Kuala Lumpur, Johor, Melaka, dan Kedah.

Dalam pada itu, Dr Azizan berkata, MMA mengesyorkan KKM menubuhkan jawatankuasa di seluruh negara untuk mengawasi pengurusan stok dan bekalan ubat-ubatan penting supaya krisis berkenaan tidak berulang kepada sektor kesihatan awam negara lagi.

Sebarang perubahan kepada rejimen rawatan diabetes sedia ada mesti dipantau dengan teliti untuk memastikan kesihatan pesakit tidak terjejas.

Risiko untuk merosakkan kawalan glisemik dan kemungkinan komplikasi lain yang dibimbangi meningkat, mesti dikurangkan melalui rawatan susulan yang ketat dan pendidikan ke atas pesakit

Dr Azizan Abdul Aziz,
Presiden MMA



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 28
RUANGAN : DUNIA



Singapura buat saringan pelawat di lapangan terbang

Suhu, visual kru penerbangan dari tempat mungkin terdedah risiko wabak turut direkod

Singapura: Singapura dijadual melaksanakan saringan suhu dan visual di Lapangan Terbang Changi serta Lapangan

Terbang Seletar terhadap pelawat dan juga kru penerbangan dari tempat yang berkemungkinan terdedah kepada risiko wabak cacar monyet atau mpox, bermula semalam.

Menurut Kementerian Kesihatan (MOH) Singapura, langkah saringan serupa juga akan dilaksanakan di pusat pemeriksaan laut terhadap anak kapal dan penumpang yang tiba dengan kapal dari kawasan terjejas dengan penyakit itu.

"MOH, Kementerian Pengangkutan serta pihak berkuasa imigresen dan pusat pemeriksaan akan melaksanakan langkah berjaga-jaga untuk meningkat-

kan keupayaan pengawasan kami terhadap mpox di sempadan," menurut MOH dalam satu kenyataan, kelmarin.

Ketika ini, tiada penerbangan terus antara Singapura dengan mana-mana negara yang berlaku penularan wabak mpox.

MOH berkata, nasihat kesihatan sudah dilaksanakan di pusat pemeriksaan udara supaya pelancong mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelak daripada dijangkiti penyakit itu.

"Pelancong sangat digalakan untuk mematuhi maklumat itu, terutama jika mereka melancong ke dan dari negara yang terjejas.

"Pelancong yang mengalami demam, ruam dan/atau gejala yang mirip dengan mpox, akan dirujuk untuk peniliran perubahan," katanya lagi.

Langkah berjaga-jaga untuk mengesan dan menguruskan kes mpox, kekal tidak berubah.

13 kes mpox

Tahun ini hingga kelmarin, terdapat 13 kes mpox disahkan di Singapura yang mana semuanya adalah jangkitan varian clade II yang kurang teruk. Setakat ini, tiada kes mpox varian clade I dikesan di republik ini.

Penularan wabak hanya berlaku di Afrika, manakala dua

kes mpox varian clade I yang lebih teruk dilaporkan di Sweden dan Thailand. Buat masa ini, tiada laporan mengenai penyebaran tempatan di kedua-dua negara itu.

"MOH akan terus memantau keadaan dengan teliti dan memastikan langkah keselamatan serta tindak balas kami disesuai berdasarkan risiko kesihatan awam yang berlaku," menurutnya.

Pada 14 Ogos lalu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan mpox sebagai kecamasan kesihatan awam global yang menjadi kebimbangan antarabangsa. BERNAMA

Thailand sahkan kes mpox daripada strain clade 1b

Bangkok: Jabatan Kawalan Penyakit Thailand kelmarin mengesahkan kes cacar monyet atau mpox yang dilaporkan minggu ini adalah strain clade 1b virus itu.

Ketua Pengarah jabatan itu, Dr Thongchai Keerathituttayakorn, mendedahkan keputusan makmal Jabatan Sains Perubatan mengesahkan kehadiran strain clade 1b pada seorang pesakit Eropah berusia 66 tahun yang dijangkiti penyakit berkenaan.

"Ini adalah pesakit pertama terabit di Thailand. Mulai sekarang, keputusan itu perlu dilaporkan kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengikut piawaian Peraturan Kesihatan Antarabangsa (IHR)," katanya

dalam satu kenyataan, di sini, kelmarin.

Rabu lalu, jabatan berkenaan melaporkan pesakit Eropah itu disahkan menghidap mpox selepas melakukan perjalanan dari sebuah negara Afrika yang mengalami wabak terbit serta transit di negara Asia Barat sebelum tiba di Thailand pada jam 6 petang 14 Ogos lalu.

Pesakit itu mengalami demam dan lesi kulit pada 15 Ogos lalu meny-

Dr Thongchai Keerathituttayakorn,
Ketua Pengarah
Jabatan Kawalan
Penyakit Thailand



babkannya mendapatkan rawatan perubatan dengan ujian seterusnya mengenal pasti mpox sebagai punca.

Dr Thongchai bagaimanapun memaklumkan daripada seramai 43 kontak rapat pesakit berkenaan, tiada yang menunjukkan sebarang gejala, setakat ini.

"Jabatan Kawalan Penyakit akan terus memantau dan membuat susulan simptom hingga 21 hari," katanya. BERNAMA

AS lulus vaksin COVID-19 versi kemas kini Pfizer, Moderna

Washington: Pihak berkuasa kesihatan Amerika Syarikat (AS) kelmarin meluluskan vaksin COVID-19 versi kemas kini keluaran Pfizer serta Moderna, dengan kedua-dua syarikat itu memaklumkan suntikan pelatikan terbit boleh diperoleh dalam masa beberapa hari lagi.

Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan (FDA) berkata, vaksin terbaru berkenaan yang dibangunkan menggunakan varian KP.2 virus itu menyasarkan varian COVID-19 yang masih berlegar, sekali gus memberi perlindungan lebih baik bagi mengelak risiko kemaskukan ke hospital atau kematian.

"Kami amat menggalakkan mereka yang layak supaya mempertimbangkan untuk mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 yang dikemas kini," kata pegawai kanan FDA, Peter Marks, dalam satu kenyataan.

Vaksin terbit akan disediakan untuk kegunaan individu berusia enam bulan dan ke atas. Dos penggalak pula mesti diberikan sekurang-kurangnya dua bulan selepas suntikan terdahulu.

Pengumuman FDA itu dibuat ketika kes COVID-19 meningkat sepanjang musim panas di AS yang kini bersiap slalu untuk menghadapi epidemik musim sejuk akan datang pula. AFP

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 33
RUANGAN : SIHAT ZON

BH SABTU, 24 OGOS 2024

33

SIHAT ZON

Usah pandang ringan walaupun wabak Mpox masih terkawal

Pelbagai pihak perlu bekerjasama elak penularan wabak cacar monyet kepada golongan berisiko

Kita sekali lagi digemparkan dengan pengisytiharan kecemasan Kesihatan global berikutan wabak cacar monyet oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), pada 14 Ogos lalu.

Ini berikutan lonjakan kes di Republik Demokratik Congo dan ancaman penularan ke negara jiran yang menjadi sebab utama pengisytiharan ini.

Di Malaysia, walaupun jumlah kes masih terkawal, kita tidak boleh memandang ringan situasi ini. Mari kita fahami lebih lanjut tentang Mpox dan langkah yang perlu diambil untuk melindungi diri kita.

Justeru, Pensyarah Kanan Virologi Institut Sains Biologi (ISB), Fakulti Sains Universiti Malaya (UM), Dr Jasmine Elanie Khairat berkongsi perincian mengenai wabak cacar monyet ini yang seharusnya turut diambil perhatian.

Mpox, sebelumnya dikenali sebagai cacar monyet, adalah penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus *monkeypox* daripada kumpulan Orthopoxvirus.

Penyakit ini boleh menjangkiti sesiapa sahaja, tanpa mengira orientasi seksual walaupun data semasa menunjukkan kadar jangkitan yang lebih tinggi bagi lelaki yang melakukan hubungan seks dengan lelaki.

Gejala Mpox termasuk demam, sakit kepala, sakit otot, keletihan, dan ruam atau luka pada kulit.

Walaupun kebanyakan individu pulih tanpa rawatan, Mpox boleh membawa komplikasi serius dan mengancam nyawa, terutama golongan berisiko tinggi seperti kanak-kanak, wanita hamil dan individu dengan sistem imun yang lemah.

Terdapat dua jenis Mpox, clade I dan clade II. Clade I menyebabkan penyakit yang lebih teruk dan mempunyai kadar kematian yang lebih tinggi, terutama clade p clade II biasanya menyebabkan gejala yang



Rakyat Malaysia yang merancang untuk melawat negara terjejas oleh wabak Mpox dinasihatkan vaksin bagi melindungi diri daripada virus itu

Dr Jasmine Elanie

lebih ringan.

Mpox boleh merebak melalui pelbagai cara, termasuk:

- **Sentuhan dengan cecair badan atau luka individu yang dijangkiti** - Ini termasuk sentuhan dengan ruam, keruping, atau luka pada kulit

- **Sentuhan dengan objek atau permukaan yang tercemar** - Virus ini mampu bertahan pada objek atau permukaan untuk jangka masa yang panjang

- **Melalui titisan pernafasan** - Ini boleh berlaku apabila seseorang yang dijangkiti batuk atau bersin berdekatan dengan orang lain

- **Hubungan seksual** - Mpox boleh merebak melalui hubungan seksual

Tiada rawatan khusus

Pada masa ini, tiada rawatan khusus untuk Mpox. Kebanyakan pesakit akan sembuh tanpa memerlukan rawatan, namun rawatan simptomatik boleh diberikan untuk mengurangkan gejala dan mencegah komplikasi.

Dalam kes serius, antivirus seperti *tecovirimat* (juga dikenali

sebagai TPOXX atau ST-246) boleh digunakan.

Vaksin cacar (*smallpox*) juga terbukti berkesan dalam mencegah Mpox dan boleh diberikan kepada individu yang berisiko tinggi. Terdapat dua vaksin utama digunakan untuk mencegah Mpox iaitu *Jynneos* (juga dikenali sebagai *Imvamune* atau *Imvanex*) dan *ACAM2000*.

Imvamune adalah vaksin lebih baru dan diluluskan khusus untuk mencegah Mpox dan cacar. Ia diberikan dalam dua dos, dengan jarak empat minggu antara dos [1,2]. Manakala *ACAM2000* merupakan vaksin yang pada asalnya dibangunkan untuk mencegah cacar, tetapi memberikan perlindungan terhadap Mpox. Ia diberikan dalam satu dos melalui kaedah unik.

Proses ini penggunaan jarum khas duamata (*bifurcated needle*) yang diperbuat daripada keluli tahankarat.

Jarum dicelup ke dalam larutan vaksin, dan kulit dibahagian atas lengan ditusuk beberapa kali (*scarification*) dengan titisan vaksin ketersediaan vaksin Mpox terhad dan hanya diberikan mengikut keutamaan kepada individu yang berisiko tinggi seperti petugas kesihatan, kontak rapat kes Mpox dan individu dengan sistem imun lemah.

Kes di Malaysia dan Asia Tenggara

Setakat Ogos ini, Malaysia melaporkan sembilan kes Mpox sejak kes pertama dikesan pada 2023, tanpa

sebarang kematian dilaporkan.

Namun, ada peningkatan kes di beberapa negara Asia Tenggara seperti Thailand, yang melaporkan 827 kes Mpox, termasuk 11 kematian, sejak Januari 2022.

Ini menimbulkan kebimbangan Mpox boleh merebak dengan lebih meluas di rantau ini.

Langkah keselamatan

Rakyat Malaysia tidak perlu panik. Meskipun Mpox penyakit serius, kebanyakan orang sembuh tanpa komplikasi.

Walaupun risiko Mpox di Malaysia masih rendah, kita tidak boleh leka.

Kita perlu mengambil langkah pencegahan untuk melindungi diri kita dan orang lain. Ini termasuk mengamalkan kebersihan diri yang baik, mengelakkan sentuhan dengan orang sakit, mengelakkan berkongsi barangan peribadi, dan mengamalkan seks selamat.


Jika anda atau keluarga mengalami gejala Mpox, seperti demam, sakit kepala, ruam, sakit otot, keletihan, luka pada kulit, segera dapatkan rawatan perubatan.

Pengesanan dan rawatan awal penting untuk mencegah komplikasi dan merebaknya penyakit. Rakyat Malaysia yang merancang untuk melawat negara terjejas oleh wabak Mpox dinasihatkan mendapatkan vaksin bagi melindungi diri daripada virus itu.

Wabak Mpox adalah ancaman kesihatan global yang perlu ditangani dengan serius. Walaupun risiko di Malaysia masih rendah, kita perlu sentiasa berwaspada dan mengambil langkah pencegahan yang sewajarnya.

Dengan kerjasama semua pihak, kita dapat melindungi diri dan orang lain daripada Mpox.

Vaksin Mpox terhad kepada individu berisiko tinggi seperti petugas kesihatan, kontak rapat kes dan individu dengan sistem imun lemah. (Foto biasan)



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : LOKAL

Bernama

Putrajaya

Bekalan insulin manusia di fasiliti Kementerian Kesihatan (KKM) yang terjejas baru-baru ini adalah disebabkan isu pengeluaran di fasiliti pembekal tempatan.

KKM dalam kenyataannya memaklumkan, bagi memastikan rawatan pesakit dapat diteruskan tanpa gangguan, kementerian itu mengambil beberapa pendekatan termasuk meningkatkan penggunaan insulin jenis analog dan terapi oral berdasarkan penilaian klinikal oleh doktor yang merawat pesakit.

"Daripada 41 ubat-ubatan yang digunakan dalam formulari bagi merawat diabetes, hanya insulin manusia yang mengalami isu bekalan.

"Oleh itu, secara keseluruhan KKM ingin menegaskan bahawa

pengurusan diabetes untuk seluruh pesakit KKM adalah tidak terjejas," menurut kenyataan itu.

Tambahnya, usaha untuk mempelbagaikan sumber bekalan insulin sedang digiatkan bagi memastikan keterjaminan dan ketersediaan bekalan pada masa akan datang.

Menurut KKM, pengeluaran tempatan serta pembekal dari luar negara yang berminat turut digalakkan untuk mendaftarkan produk insulin mereka dengan pihak Bahagian Regulatori Far-

masi Negara (NPRA) yang akan memberi keutamaan dalam proses penilaian.

Untuk rekod, rawatan perubatan di Malaysia yang ditawarkan kepada penghidap diabetes adalah dalam bentuk insulin manusia, insulin jenis analog dan terapi oral iaitu bergantung kepada keperluan rawatan individu.

KKM pada 12 Ogos lalu mengumumkan penambahbaikan terhadap dasar perolehan untuk memastikan keterjaminan, ketersediaan dan pulangan nilai

terbaik untuk produk farmaseutikal dan peranti perubatan.

"Bagi jangka sederhana dan panjang, KKM yakin bahawa bekalan insulin akan berada pada tahap optimum.

"Bagi memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara, KKM juga tidak akan berkompromi dalam isu yang mengganggu-gugat bekalan ubat-ubatan yang merupakan satu aspek penting dalam penjagaan kesihatan," menurut kenyataan itu.

Menurut KKM pesakit diabetes turut disarankan untuk men-

dapatkan konsultasi daripada doktor bagi sebarang pencerahan dari semasa ke semasa dan digalakkan mendapatkan maklumat yang tepat daripada sumber yang sah berhubung isu kesihatan.

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023 mendapati satu daripada enam (15.6 peratus) dewasa di Malaysia menghidap diabetes, manakala 84 peratus daripada orang berumur 18 hingga 29 tahun tidak tahu mereka menghidap diabetes.

BEKALAN INSULIN MANUSIA DI FASILITI KKM TERJEJAS PERTINGKAT INSULIN JENIS ANALOG

Ramai murid di Wilayah Persekutuan semakin rabun

Kuala Lumpur: Semakin ramai murid sekolah di Wilayah Persekutuan berdepan masalah rabun berdasarkan dapatan daripada saringan dibuat di bawah Program Mata Hati Wilayah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa berkata, berdasarkan statistik diperolehi setakat ini, 58.2 peratus daripada 2,077 murid yang disaring sejak program itu diperkenalkan Jun lalu, dikenali pasti rabun.

"Ada seorang murid yang disaring iaitu murid Tahun 1, (tahap) kerabunannya tinggi dan dia tak pernah tahu. Sudah pasti ini akan mengganggu pembelajaran.

ran.

"Sekiranya hal ini tidak atasi lebih awal, ada kemungkinan mereka akan tercicir daripada pelajaran," katanya pada majlis penutupan Seminar Kecemerlangan SPM Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), semalam.

Dr Zaliha berkata, program Mata Hati Wilayah adalah sebahagian daripada inisiatif Program Usaha Jaya Insan (PUJI) bertujuan menangani masalah kesihatan mata dalam kalangan kanak-kanak sekolah rendah di seluruh Wilayah Persekutuan.

Antara sekolah yang di-

pilih untuk menyertai program itu ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Pantai, SK Desa Tasik, SK Setiawangsa dan SK Wangsa Maju Seksyen 1.



DR Zaliha (tiga dari kanan) beramah mesra dengan pelajar selepas Majlis Penutupan Seminar Kecemerlangan SPM Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

**“
Sekiranya tidak
atasi awal,
mungkin mereka
akan tercicir
pelajaran
Dr Zaliha**

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 25
RUANGAN : LOKAL

Zalif minta KKM naik taraf fasiliti klinik kesihatan

Kuala Lumpur: Pelakon Zalif Sidedek meminta pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menaik taraf sistem dan perkhidmatan yang disediakan di klinik kesihatan de-

ngan segera untuk memastikan keselesaan orang ramai terutama golongan berpendapatan rendah B40.

Zalif berkata, dia berasa kecewa kerana klinik kesihatan kerajaan masih menggunakan sistem perkhidmatan yang lama sedangkan negara sudah berada pada tahun 2024.

"Saya bukan sesuka hati nak marah atau kecam mana-mana pihak cuma ini sudah 2024 takkan tiada perubahan untuk khidmat rakyat di klinik kesihatan kerajaan?"

"Saya berulang-alik ke klinik kesihatan untuk buat pemeriksaan anak dan isteri, Anis Marzuki di Kuantan sejak anak pertama pada tahun lalu sampai anak kedua tahun ini tapi sistem dan perkhidmatan digunakan masih lama dan 'kuno'," katanya.

Mengenai klinik kesihatan lagi, kata Zalif mendakwa bukan sahaja sistem lama, keadaan luaran klinik juga nampak seperti bangunan terbengkalai.

"Tempat menunggu giliran doktor juga perlu dinaik taraf. Dalam klinik penuh dengan kipas, tetapi tiada alat penghawa dingin untuk keselesaan orang ramai ketika cuaca panas.

"Paling se-

dih bilik untuk rawatan doktor dan tiada privasi untuk pesakit di mana satu meja kongsi dengan dua doktor yang merawat pesakit berbeza.

"Selain itu, pesakit juga perlu menunggu selama empat hingga lima jam untuk giliran bertemu doktor. Itu belum lagi layanan tidak mesra dari jururawat yang berwajah masam seperti bawa masalah peribadi ke klinik?" katanya.

Terdahulu, Zalif meluahkan perasaan tidak puas hatinya dengan sistem dan perkhidmatan di klinik kerajaan menerusi hantaran di laman Instagram (IG) miliknya dan mendapat perhatian dari pengikutnya.

Rata-rata pengikut bersetuju dengan luahan Zalif itu dan meminta pihak KKM mengambil tindakan segera untuk menaik taraf sistem dan perkhidmatan disediakan kepada orang ramai.

Zalif dan Anis Marzuki berkahwin pada 26 Februari 2022 dan dikurniakan dua cahaya mata iaitu Wan Nur Aaliya Inara, setahun lapan bulan dan bayi lelaki yang berusia lebih dua minggu.



"
Ini sudah 2024
takkan tiada
perubahan untuk
khidmat rakyat
Zalif

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NEWS / NATION

SHORTAGE OF INSULIN

MMA raises alarm over ministry's alternative methods to manage diabetes

KUALA LUMPUR: The Malaysian Medical Association (MMA) has expressed deep concern over the shortage of insulin which has led to the adjustment of treatment regimens for patients with diabetes.

Its president, Dr Azizan Abdul Aziz, described the shortage of insulin in Malaysia as "unprecedented" but acknowledged the Health Ministry's action to overcome the matter.

However, she said putting in place an alternative to insulin for patients could cause problems if the patient did not respond pos-

itively to it because treatment was personalised.

"(MMA) expresses deep concern over the unprecedented shortage of human insulin in the country, which has led to the recent decision by the Health Ministry to adjust the treatment regimens for diabetes patients.

"While we acknowledge the ministry's efforts to address this crisis through emergency measures, we are gravely worried about the potential impact on patient outcomes, particularly for those who rely on insulin for their

diabetes management."

Dr Azizan said switching from insulin to more expensive options like SGLT2 inhibitors and insulin analogs could be risky for patients.

"While these alternatives might benefit some, the sudden change driven by necessity rather than choice could be problematic, especially if patients don't respond well to them."

She said switching from insulin to alternative treatments must be managed carefully and should not replace the personalised care each patient deserved.

"To reduce the risk of worsening glycemic control and potential complications, thorough follow-up and patient education are essential.

"This crisis highlights the need for a stronger supply chain for essential medication like insulin," she added.

Additionally, MMA urged the ministry to quickly find alternative manufacturers and prevent future shortages.

MMA also recommended establishing a committee to manage the stock and supply of essential medicines.



Dr Azizan Abdul Aziz

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

6 Nation

THE STAR, SATURDAY 24 AUGUST 2024

Mpox or not, travel plans still on

Travellers say they will take necessary precautions, see no reason to cancel trips

By VENESA DEVI
venesa@thestar.com.my

JOHOR BARU: Despite the World Health Organisation's (WHO) recent designation of mpox as a Public Health Emergency of International Concern (PHEIC), many Malaysians are still choosing to proceed with their travel plans abroad.

Travellers say they will take necessary precautions but are not deterred from their trips.

Restaurant owner Nor Azlin Abd Rahman, 47, said she and her family plan to visit Bandung, Indonesia, next month.

"At the moment, I'm not overly concerned, especially in South-

East Asia. I still feel safe travelling to other countries within this region.

"However, I'll keep a close eye on mpox developments and adjust my plans if there is a concerning trend here or in Indonesia. But I do not think that is likely," she said.

Tan Kian Hui, 31, also expressed confidence in his travel plans to Bangkok in November.

"I trust that the government will issue travel advisories if necessary. The lack of new travel restrictions suggests the situation is still manageable. If circumstances change and a travel ban is imposed, I'm prepared to cancel my plans," he said.

"I trust that the government will issue travel advisories if necessary."

Tan Kian-Hui

In the tourism sector, Malaysian Tourist Guides Council president Jimmy Leong noted that mpox has not impacted tourism in Malaysia.

"There's been no panic among travellers, particularly in this region where the situation is not very alarming. Our tourism industry remains unaffected by mpox at this time and I do not think it is likely for that to happen," he said.

Leong also urged the public to seek reliable information and be cautious of misleading content online.

The Health Ministry recently debunked a viral social media post claiming mpox was spreading in Singapore.

The image was actually from a 2022 report of a victim who was shot with a birdshot or buckshot, a type of ammunition usually

fired from a shotgun.

Deputy Health Minister Datuk Lukanisman Awang Sauni also stated there are no current plans for a mpox vaccination programme, though the ministry is enhancing surveillance efforts.

The WHO's PHEIC declaration follows a rise in mpox cases in several African and Asian countries.

From Jan 1, 2022, to June 30 this year, there have been 99,176 lab-confirmed cases and 208 deaths worldwide.

Malaysia reported nine cases last year, with no new cases this year, and the current risk is considered to be from imported cases.